

05 DEC 1997

Mahathir-Nik Aziz

KERAJAAN PERSEKUTUAN CUBA BANTU MASALAH KEWANGAN KELANTAN

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Persekutuan akan mencari jalan untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi kerajaan negeri Kelantan.

Perdana Menteri berkata kerajaan Kelantan pimpinan PAS telah meminta pinjaman mudah daripada kerajaan Persekutuan.

"Permintaan itu telah lama dibuat tapi kita tak dapat timbang," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuannya selama 30 minit dengan Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Aziz Nik Mat di Hotel Langkasuka di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Nik Aziz memang sudah lama ingin berjumpa dengan beliau tetapi kerana faktor masa, pertemuan itu tidak dapat diadakan.

"Kita cakap mengenai masalah di Kelantan," kata Perdana Menteri.

Mengenai jumlah pinjaman mudah yang diminta oleh Kelantan itu, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dirujuk kepada Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim).

Sementara itu, Nik Aziz yang ditemui pemberita selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir itu, enggan bercakap mengenai perkara tersebut.

Menurutnya, beliau datang ke Langkawi kerana memenuhi jemputan menyaksikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97.

"Dr Mahathir sebagai tuan rumah...kita minum teh sahaja," katanya.

Sebelum pertemuan itu, Perdana Menteri dan Nik Aziz sama-sama menunaikan solat Jumaat di Masjid Temoyong di sini. -- BERNAMA

ES NH NMO